

02/05/1999

Rakyat harus buat pilihan tepat

JITRA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat membuat pilihan tepat pada pilihan raya akan datang dengan menolak parti pembangkang bagi memastikan kedaulatan negara terus terjamin.

Perdana Menteri juga meminta rakyat tidak mempercayai pelbagai tohmahan dan fitnah parti pembangkang yang menyalahgunakan kesucian Islam untuk kepentingan politik dan condong kepada telunjuk kuasa Barat.

Menurutnya, kemerdekaan negara perlu dipertahankan bagi mengelakkan penjajahan semula kuasa asing yang sengaja mahu menggugat kemerdekaan dengan menyokong tokoh yang boleh menjadi alat mereka untuk memimpin negara.

"Kita sudah merdeka dan akan mempertahankan kedaulatan kita sehingga titisan darah yang terakhir. Bukan Estrada (Presiden Filipina) nak tentukan siapa yang jadi pemimpin.

"Orang Kubang Pasu, orang Kedah dan orang Malaysia (yang menentukannya) dan bukan pemimpin asing. Biar mereka memimpin negara yang tidak senonoh (negara Barat) yang membiarkan pemimpin mereka merogol orang dalam pejabat mereka.

"Kita mahu pemimpin yang bersih dan tidak gunakan kuasa dan suruh polis buat sesuatu untuk kepentingan sendiri. Orang ini tidak layak jadi pemimpin," katanya ketika merasmikan persidangan perwakilan Umno bahagian Kubang Pasu, di Dewan Jitra, di sini semalam.

Perdana Menteri juga meminta ahli Umno tidak membiarkan kuasa asing yang menggunakan pemimpin parti pembangkang menghasut mereka menentang kerajaan bagi memastikan kemerdekaan negara terus kekal.

"Jika kekal kesetiaan dan dedikasi bersama Umno, negara akan terus merdeka dan menghalang orang asing yang cuba memecahbelahkan kita," katanya.

Dr Mahathir juga berkata pemimpin Pas membuat tafsiran sendiri mengenai Islam dengan mencampur aduk politik parti dengan agama walaupun ia sesuatu isu itu bercanggah dengan ajaran Islam sebenar.

Justeru, katanya, pemimpin Pas menghalalkan fitnah dan tuduhan palsu bertujuan menimbulkan perasaan benci di kalangan rakyat berdasarkan tafsiran mereka bagi mendapat sokongan.

(END)